

*Wacana
Kontemporari
Islam*

Wacana Kontemporari Islam

Penyunting
**NIZAITA OMAR
SURAYA SINTANG
SAINI AG. DAMIT**

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2013

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2013

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Wacana Kontemporari Islam / Penyunting NIZAITA OMAR, SURAYA

SINTANG, SAINI AG. DAMIT

ISBN 978-967-0521-25-1

1. Islam--Miscellanea. I. Nizaita Omar, 1969-, II. Suraya Sintang, 1973-,

III. Saini Ag. Damit, 1964-.

297

Muka taip teks:	Cambria/Minion Pro
Saiz taip teks dan <i>leading</i> :	11/14 poin
Diterbitkan oleh:	Penerbit Universiti Malaysia Sabah Tingkat Bawah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS 88400 Kota Kinabalu, Sabah.
Dicetak oleh:	Capital Associates (S) Sdn. Bhd. P. O. Box 21760 88775 Kota Kinabalu, Sabah.

Kandungan

Senarai Jadual

Senarai Rajah

Prakata

Pendahuluan

BAHAGIAN I: WACANA KONTEMPORARI ISLAM DI MALAYSIA

- BAB 1 Pendekatan *Wasatiyyah* dalam Pengaplikasian Konsep 1**
1Malaysia
Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali, Suraya Sintang,
Rahimin Affandi Abdul Rahim & Nor Adina Abdul Kadir
- BAB 2 Fenomena Penyelewengan dalam Pentafsiran Ayat al-Quran 27**
di Malaysia
Nizaita Omar & Zulkifly Muda
- BAB 3 Membina Modal Insan: Tinjauan Terhadap Peranan 43**
Masjid Kampung Tobobon, Kota Kinabalu, Sabah
Saini Ag. Damit, Abd. Hakim Mohad & Ros Aiza Mohd.
Mokhtar
- BAB 4 Memartabatkan Puisi [Unsur] Islam Sabah: Satu Analisis 59**
Bentuk Penulisan
Lokman Abdul Samad & Asmiaty Amat
- BAB 5 Toleransi Sosioagama di Malaysia: Di Manakah Kesediaan 89**
Kita?
Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill & Nur Ayuni Mohd. Isa

BAHAGIAN II: ISU-ISU EKONOMI ISLAM DI MALAYSIA

- BAB 6 Sistem Perbankan Islam Malaysia sebagai Model 109**
Transformasi Perbankan Islam Global
Mohammad Taqiuddin Mohamad, Joni Tamkin Borhan
& Ahmad Azam Sulaiman @Mohamad
- BAB 7 Pemerkasaan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat 135**
Islam Melalui Penswastaan Institusi Zakat
Noor Haslina Mohamad Akhir, Ismar Liza Mahani Ismail
& Nizaita Omar

BAB 8 **Hukum dan Kaedah Pemberian Emolumen kepada Ahli Majlis Penasihat Syariah Perbankan Islam di Malaysia** 155
Ahmad Faizol Ismail, Wan Mohd. Yusof Wan Chik & Wan Mohd. Azzidi Wan Abdul Jalil

BAB 9 **Keprihatinan Pengguna Islam Terhadap Barangan dan Perkhidmatan Halal di Sabah** 167
Dayangku Aslinah Abd. Rahim, Roslinah Mahmud, Khairul Hanim Pazim & Beatrice Lim Fui Yee

BAHAGIAN III: PEMIKIRAN ISLAM SEMASA

BAB 10 **Isu-isu Utama ‘Ilham’ dalam Ajaran Sesat di Alam Melayu: Perbincangan dari Perspektif Imam Al-Ghazālī** 179
Basri Husin & Che Zarrina Sa’ari

BAB 11 **Dunia Islam Era Pasca Khalifah dan Isu Penubuhan Negara Palestin** 203
Asmady Idris

BAB 12 **Al-Biruni’s *India*: A Model of Comparative Religious Study** 223
Nurhanisah Senin, Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali & Siti Fairuz Ramlan

BAB 13 ***Al-I’jāz Al-‘Ilmī* dalam al-Quran: Satu Analisis Berasaskan Fakta Sainifik Semasa** 241
Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad & Nizaita Omar

Rumusan

Senarai Penyumbang

Indeks

Senarai Jadual

Jadual	Halaman
5.1 Taburan peratusan dan kekerapan profil demografi responden (n=608)	97
5.2 Tahap persepsi terhadap toleransi sosioagama secara keseluruhan	98
5.3 Tahap persepsi terhadap toleransi sosioagama mengikut etnik	99
5.4 Tahap persepsi terhadap toleransi sosioagama mengikut agama	100
5.5 Tahap kesediaan terhadap toleransi sosioagama secara keseluruhan	100
5.6 Tahap kesediaan terhadap toleransi sosioagama mengikut etnik	101
5.7 Tahap kesediaan terhadap toleransi sosioagama mengikut latar belakang agama	101
6.1 Perbezaan antara <i>fiqh mu'āmalāt</i> dan <i>fiqh 'ibādāt</i>	114
6.2 Senarai institusi kewangan yang menawarkan perbankan Islam di Malaysia	129
7.1 Analisis skor kecekapan (BBC) tahun 2009	145
7.2 Analisis skor kecekapan CCR-i dan CCR-o tahun 2009	147
7.3 Skala kecekapan: Model CRS dan VRS	148

Senarai Rajah

Rajah		Halaman
1.1	Prinsip 1Malaysia	9
5.1	Taburan peratus penduduk mengikut agama, Malaysia, 2010	91
6.1	Alasan penubuhan kaunter perbankan Islam (<i>Islamic Windows</i>)	118
6.2	Fasa pelaksanaan perbankan Islam Malaysia	119
6.3	Perbankan Islam di negara-negara Islam terpilih	128
7.1	Analisis skor kecekapan Model BBC-i bagi institusi zakat terpilih tahun 2009	146
7.2	Analisis skor kecekapan Model BBC-o bagi institusi zakat terpilih tahun 2009	147
7.3	Analisis skor kecekapan Model CCR-i dan CCR-o bagi institusi zakat terpilih tahun 2009	148
8.1	Urus tadbir MPS	157

Prakata

W*acana Kontemporari Islam* merupakan kompilasi makalah yang menentang pendekatan Islam dalam menanggapi permasalahan Muslim semasa. Permasalahan semasa ini berlegar dalam domain ekonomi, sosial dan politik yang dirangkumkan dalam tiga tema utama, iaitu *Wacana Kontemporari Islam di Malaysia*, *Isu-isu Ekonomi Islam di Malaysia* dan *Pemikiran Islam Semasa*. Pendedahan terhadap isu-isu kontemporari ini penting untuk dibincangkan bagi mengenal pasti, menghurai dan mengusul jalan keluar kepada permasalahan dan cabaran kehidupan masyarakat Islam hari ini. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesejahteraan kehidupan dan keampuhan pemikiran Islam masa kini amat bergantung kepada kekuatan gerakan intelektual dari kalangan para sarjana Muslim.

Menyedari hakikat inilah, kumpulan sarjana Muslim daripada pelbagai universiti tempatan, iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berkolaborasi bagi menghasilkan penulisan tentang *wacana kontemporari Islam*.

Usaha kerdil ini diharap dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu isu semasa yang dilalui oleh umat Islam di Malaysia dan luar negara. Semoga usaha ini dilihat sebagai pembuka tirai kepada penerokaan pelbagai isu kontemporari Islam yang masih banyak, perlu dikaji dan didokumentasikan sebagai bahan bacaan untuk para pencinta ilmu dan generasi akan datang.

Nizaita Omar, Ph.D
Suraya Sintang, Ph.D
Saini Ag. Damit, Ph.D
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
2013

Pendahuluan

Keunggulan Islam dengan ciri-ciri keistimewaan yang ada pada ajarannya menjadikan Islam agama yang mampu membawa rahmat kepada sekalian alam. Syariat Islam yang berpaksikan kepada paradigma tauhid, mengatur kehidupan manusia untuk segala aktiviti *ma'rūf* yang bersifat kebaikan dan kebajikan. Pengabdian kepada Allah bukan hanya terbatas kepada amalan *ta'abbudī* atau bercorak ritual semata, bahkan pengabdian tersebut perlu direalisasikan dalam semua gerak kerja dan aktiviti kehidupan.

Ajaran Islam yang bersifat *wāqī'iyah* dan *ālamīyyah* berupaya membentuk satu cara hidup yang sesuai dipraktikkan dalam semua situasi dan lokasi. Sekali gus, Islam berjaya mencipta satu sistem yang lengkap merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utamanya meletakkan prinsip-prinsip asas yang kukuh untuk memandu manusia mencorak kehidupan sejahtera, baik dalam urusan ukhrawi mahupun duniawi. Perkara ini telah ditegaskan sendiri oleh junjungan besar Rasulullah SAW melalui sabda Baginda yang bermaksud:

Aku tinggalkan untuk kalian dua perkara, kalian tidak akan sesat selama berpegang padanya, iaitu kitabullah (al-Quran) dan Sunnah Rasulullah.

(Hadis riwayat Muslim)

Kekuatan jitu yang dimiliki oleh ajaran *rabbānī* ini menjadikannya berpotensi untuk berinteraksi dan bertindak balas dengan perkembangan semasa. Segala isu, permasalahan, fenomena dan tribulasi yang dihadapi oleh masyarakat Islam mahupun dunia Islam dalam persoalan ekonomi, sosiobudaya, politik dan lainnya mempunyai jalan penyelesaian. Dalam hal ini, para sarjana dan pemikir Islam perlu cergas dan cerdas menjana kekuatan keintelektualan mereka untuk tampil memberi jawapan yang bernas, relevan dan meyakinkan. Di sinilah peranan ijtihad yang menjadi mekanisme utama dalam ilmu *uṣūl fiqh* perlu digerakkan secara proaktif dalam berhadapan dengan isu-isu dan cabaran semasa. Setiap kemelut

persoalan dan permasalahan yang timbul pada masa kini perlu difahami, dikaji dan dianalisis sebaik mungkin agar penyelesaian yang menepati kehendak syarak dapat dihasilkan.

Justeru, buku ini diusahakan untuk mengungkapkan wacana kontemporari Islam dalam konteks Malaysia mahupun dunia luar. Buku ini dipecahkan kepada tiga bahagian mengikut rumpun temanya iaitu Wacana Kontemporari Islam di Malaysia, Isu-isu Ekonomi Islam di Malaysia dan Pemikiran Islam Semasa. Sebanyak 13 makalah yang disumbangkan oleh para cendekiawan dari pelbagai latar belakang pengkhususan dan institusi telah dimuatkan dalam buku ini.

Bahagian I merupakan himpunan makalah yang menyentuh tentang isu-isu kontemporari Islam yang sedang berlaku di Malaysia. Topik perbincangan meliputi pendekatan semasa polisi negara menerusi gagasan 1Malaysia, penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran, pembentukan modal insan melalui peranan institusi masjid, sastera Islami dan toleransi sosioagama.

Makalah pertama dalam bahagian ini merupakan sumbangan Khadijah Mohd. Khambali@Hambali, Suraya Sintang, Rahimin Affandi Abdul Rahim dan Nor Adlina Abdul Kadir yang membicarakan tentang pendekatan *wasatiyyah* (kesederhanaan) dalam usaha merealisasikan konsep 1Malaysia yang merupakan dasar utama kerajaan membentuk negara maju. Signifikan pendekatan *wasatiyyah* untuk dijadikan medium utama dalam menjayakan konsep 1Malaysia dikupas secara terperinci dengan menekankan aspek budaya dan moral masyarakat. Resam budaya sebagai sesuatu yang berubah mengikut perubahan masa dan tempat menuntut pemimpin masyarakat dan pelaksana dasar membuat pemilihan dan penentuan budaya baik yang berupaya mewarnai identiti positif masyarakat Malaysia, khususnya umat Islam. Justeru, budaya yang mengandungi ciri-ciri tertentu telah diketengahkan sebagai langkah melestarikan perpaduan bangsa 1Malaysia.

Makalah kedua merupakan hasil tulisan Nizaita Omar dan Zulkifly Muda yang mendiskusikan fenomena penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran yang dilakukan oleh golongan tertentu dalam kalangan masyarakat Islam. Makalah ini menjelaskan lapan syarat penting yang mesti dipenuhi untuk melayakkan seseorang individu mentafsir al-Quran. Kegagalan melengkapkan diri dengan syarat yang diutarakan adalah punca utama tafsiran dibuat menyeleweng dan terpesong jauh daripada tuntutan sebenar. Turut diperjelaskan empat bentuk penyelewengan yang berlaku dalam mentafsirkan ayat al-Quran, iaitu persoalan asas dan akidah, bahasa, *'uqūbāt* (hukuman) dan fikah. Penyelewengan dalam mentafsir al-Quran sering kali dikaitkan dengan golongan yang berpegang kepada pemikiran yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar dalam usaha mereka untuk mempertahankan kedudukan pegangan atau ajaran mereka. Fenomena ini wajar dipandang serius kerana penyelewengan dalam mentafsirkan al-Quran boleh mencemarkan kesucian Islam dan mengundang perpecahan ummah.

Makalah ketiga dikaryakan oleh Saini Ag. Damit, Abdul Hakim Mohad dan Ros Aiza Mohd. Mokhtar menyentuh tentang peranan masjid dalam membina modal insan berkualiti. Kajian lapangan yang dibuat memilih Masjid Kampung Tobobon, Kota Kinabalu bagi mendapatkan maklumat tentang program-program pembinaan modal insan yang dijalankan oleh pihak masjid, di samping meneliti tahap sambutan yang diberikan oleh masyarakat setempat khususnya golongan muda terhadap program yang dilaksanakan. Pandangan daripada golongan muda terhadap pelaksanaan program diperoleh dalam usaha memperbaiki dan meningkatkan lagi fungsi masjid sebagai nadi kepada pembangunan modal insan. Dapatan kajian menunjukkan masjid telah menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan yang dapat membantu ke arah pembentukan modal insan berkualiti. Namun, penyertaan golongan muda terhadap program anjuran masjid adalah lemah dan hanya tertumpu kepada aktiviti tertentu sahaja.

Makalah keempat diutarakan oleh Lokman Abdul Samad dan Asmiaty Amat dalam *'Memartabatkan Puisi [Unsur] Islam Sabah: Satu Analisis Bentuk Penulisan'* membahaskan tentang puisi Islam di Sabah.

Kajian mendapati lambakan puisi di Sabah khususnya puisi Islam mendominasi perkembangan sastera Sabah. Perkara ini dikaitkan dengan adanya penganjuran pertandingan menulis puisi Islam di negeri ini. Kajian turut mendapati tidak semua puisi tersebut layak diangkat sebagai puisi Islam, memandangkan puisi Islam memiliki ciri-cirinya yang tersendiri dan penulisannya juga bertujuan mendapat keredaan Allah dan bukan atas tujuan bermegah-megah atau sekadar bermain dengan kata-kata tanpa tujuan dan matlamat yang jelas. Sungguhpun terdapat karya yang dianggap belum mencapai tahap puisi Islam, terdapat beberapa penulis puisi yang wajar dipuji kerana telah menyerlahkan keistimewaan dari segi pembinaan kata-kata yang tidak lewah, yakni pemilihan kata yang tertib dan adanya unsur-unsur keindahan yang jelas. Tema dan persoalan yang dikemukakan juga menjurus kepada penghayatan diri sebagai hamba Allah, kecintaan kepada Rasulullah dan keagungan tamadun Islam.

Makalah kelima disumbangkan oleh Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill dan Nur Ayuni Mohd. Isa membicarakan persoalan toleransi agama dalam kehidupan masyarakat majmuk di negara ini. Toleransi boleh dikonsepskan dengan pelbagai cara seperti menghargai dan merai perbezaan, tidak prejudis dan meletakkan persetujuan pada sesuatu yang tidak dipersetujui. Kajian lapangan yang dijalankan mengukur tahap toleransi sosioagama berdasarkan dua domain utama, iaitu persepsi dan kesediaan. Hasil kajian membuktikan tahap persepsi terhadap toleransi sosioagama secara keseluruhan berada pada tahap tinggi. Malah, kajian ini juga menunjukkan tahap kesediaan responden yang tinggi untuk bertoleransi antara pelbagai agama. Ringkasnya, hasil kajian ini menolak pandangan segelintir pihak yang sering memberi gambaran melalui media massa bahawa wujud suasana yang tidak harmoni dalam konteks hubungan antara agama di Malaysia.

Bahagian II buku ini adalah berkaitan dengan isu-isu ekonomi Islam di Malaysia yang merupakan antara dilema semasa yang membelenggu masyarakat Muslim di Malaysia pada hari ini. Kemelut ini perlu dirungkai melalui kajian ilmiah dan penelitian secara mendalam agar ekonomi Islam mampu berdaya saing dan menawarkan alternatif baharu kepada

umat Islam. Justeru, bahagian ini menghimpunkan beberapa artikel yang diharap mampu menjawab beberapa persoalan ekonomi semasa.

Bab keenam yang terkandung dalam bahagian ini merupakan kajian yang dijalankan oleh Mohammad Taqiuddin Mohamad, Joni Tamkin Borhan dan Ahmad Azam Sulaiman @Mohamad berhubung '*Sistem Perbankan Islam Malaysia sebagai Model Transformasi Perbankan Islam Global.*' Kajian ini memfokuskan usaha transformasi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia dalam membangunkan sistem perbankan Islam agar boleh diketengahkan sebagai model perbankan Islam di persada antarabangsa. Kajian ini turut mengetengahkan beberapa usaha transformasi yang lain seperti diversifikasi dan inovasi produk, pembangunan keinstitusian, rangka kerja perundangan dan kawal selia, pengukuhan rangka kerja syariah, pembangunan modal insan, penyeragaman pelaporan perakaunan perbankan Islam, penubuhan pasaran kewangan Islam dan penubuhan pusat kewangan Islam antarabangsa. Dengan adanya kajian ini, kerangka Islam dalam penjaanaan model ekonomi semasa dapat dibangunkan agar boleh diterima pakai oleh semua pihak.

Noor Haslina Mohamad Akhir, Ismar Liza Ismail dan Nizaita Omar menerusi penulisan dalam bab tujuh pula membincangkan '*Pemeriksaan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Islam Melalui Penswastaan Institusi Zakat.*' Kajian ini dijalankan ke atas institusi zakat terpilih yang telah diswastakan dan belum diswastakan sebagai perbandingan dalam mengukur tahap kecekapan institusi-institusi tersebut dalam mengurus operasi zakat. Lokasi kajian melibatkan tujuh buah negeri, iaitu Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor. Cabaran dan kewajaran penswastaan institusi zakat diutarakan sebagai dapatan kajian dan usaha memperkukuhkan institusi ini perlu berlandaskan kaedah *fiqh* dan *Usūl al-Fiqh* dengan mengambil kira *Maqāṣid al-Sharī'ah*, *Siyāsah Shar'īyyah* dan *Taqyīd Mubāṭ.*

Bab lapan merupakan sumbangan daripada Ahmad Faisol Ismail, Wan Mohd Yusof Wan Chik dan Wan Mohd Azziadi Wan Abdul Jalil yang menganalisis *'Hukum dan Kaedah Pemberian Emolumen kepada Ahli Majlis Penasihat Syariah Perbankan Islam di Malaysia.'* Kajian ini menjurus kepada hukum mengambil emolumen oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS), pemilihan dan pelantikan ahli MPS, keperluan emolumen MPS dan kaedah pembayaran MPS. Kajian ini merumuskan sifat warak, berilmu dan berdisiplin merupakan ciri-ciri utama yang diperlukan untuk membentuk MPS yang berintegriti tinggi kerana mereka adalah pembuat polisi, penentu keputusan dan pemantau kepada produk dan operasi bank agar patuh kepada kehendak syarak.

Sementara itu, bab sembilan, Dayangku Aslinah Abd. Rahim, Roslinah Mahmud, Khairul Hanim Pazim dan Beatrice Lim Fui Yee membincangkan persoalan tentang *'Keprihatinan Pengguna Islam terhadap Barangan dan Perkhidmatan Halal di Sabah.'* Kajian ini mensasarkan Kota Kinabalu sebagai lokasi kajian memandangkan kedudukannya yang padat dengan penduduk dan aktiviti perekonomian. Kajian ini dijalankan bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pengguna Islam di Sabah terhadap produk halal dan pemilihan barangan serta perkhidmatan berdasarkan syarak. Hasil kajian menunjukkan pengguna Islam di Kota Kinabalu mengambil berat tentang logo halal yang dipamerkan dalam produk dan perkhidmatan. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap keyakinan terdapat produk dan perkhidmatan halal boleh ditingkatkan melalui sumber maklumat daripada internet, bahan bercetak dan media elektronik.

Bahagian III membincangkan tema yang berkaitan dengan isu-isu kontemporari Islam yang dimulai dengan makalah, *'Isu-isu Utama 'Ilham' dalam Ajaran Sesat di Alam Melayu: Penyelesaiannya Menurut Perspektif Imam al-Ghazālī'* oleh Basri Husin dan Che Zarrina Sa'ari. Makalah ini membincangkan penyalahgunaan ilham sebagai sumber ilmu yang merupakan salah satu faktor kepada munculnya ajaran sesat dalam

dunia Islam. Epistemologi al-Ghazali terhadap cara untuk memperoleh ilham adalah sesuatu yang boleh diterima pakai dalam konteks masa kini, terutamanya berhubung dengan masalah ajaran sesat yang semakin menular dalam masyarakat Islam. Metodologi al-Ghazālī menyarankan untuk mendapatkan ilham yang benar perlulah selari dengan gesaan al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini secara tidak langsung boleh mengatasi kecelaruan masyarakat dalam menilai antara ilham yang bersumberkan daripada Allah dan ilham yang bersumberkan daripada syaitan.

Bahagian ini turut mengetengahkan makalah berkaitan isu politik semasa bertajuk '*Dunia Islam Era Pasca Khalifah dan Isu Penubuhan Negara Palestin*' oleh Asmady Idris. Penulisan ini membincangkan keprihatinan dan tanggungjawab dunia Islam, iaitu Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC), Liga Arab dan juga beberapa NGO Islam, khususnya dari Malaysia yang dilihat mampu merealisasikan impian rakyat Palestin bagi menubuhkan negara merdeka yang berdaulat. Penulis menyifatkan penubuhan negara Palestin menjadi simbol kelestarian bumi Palestin sebagai salah satu lokasi agama terpenting bagi umat Islam. Justeru, penglibatan perjuangan para aktivis NGO dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan perlu didukung oleh semua umat Islam agar dunia antarabangsa menyanjung tinggi semangat persaudaraan yang dianjurkan dalam Islam.

Makalah selanjutnya hasil tulisan Nurhanisah binti Senin, Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali dan Siti Fairuz Ramlan bertajuk '*al-Biruni's India: A Model of Comparative Religious Study*' merupakan satu-satunya makalah yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Penulis mengetengahkan pendekatan al-Birūnī dalam kajian perbandingan agama yang bersifat tidak *bias* dan tidak prejudis terhadap agama lain, namun bersikap teguh dalam meyakini agama sendiri. Kesarjanaan al-Birūnī menawarkan model kajian Perbandingan Agama memberi inspirasi dalam hubungan Muslim-*non-Muslim* bagi mendepani cabaran penerimaan terhadap pihak lain tanpa perasaan bimbang dan prejudis.

Makalah terakhir ialah '*al-I'jāz al-'Ilmī dalam al-Quran: Satu Analisis Berasaskan Fakta Sainifik Semasa*' oleh Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad dan Nizaita Omar. Antara inti pati utama yang dibincangkan ialah *al-i'jāz al-'Ilmī* yang terkandung dalam al-Quran merupakan satu bukti kehebatan al-Quran sebagai kitab Allah dan bukannya sebuah kitab ciptaan manusia. Kajian saintifik berhubung fenomena dan kejadian alam telah pun diutarakan kebenaran dan ketepatan fakta tersebut oleh al-Quran sejak sekian lama. Hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa al-Quran bukan sekadar 'kitab sains' bahkan lebih daripada itu. Justeru, wajar sekiranya kajian saintifik hari ini turut mengambil kira kemukjizatan al-Quran sebagai salah satu kaedah penyelesaian terhadap fenomena alam masa kini.

